



IKLAN KEKOSONGAN KIOSK / GERAJ / RUANG NIAGA MILIK
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)

1. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan Warga Melaka (Bumiputera) yang berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di ruang- ruang niaga Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka.
2. Borang Permohonan **PKW/PPSPM/001/SK01** boleh didapati di pejabat Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka dengan bayaran RM10.00.
3. Kekosongan kiosk / gerai / ruang niaga yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	KEKOSONGAN	JENIS PERNIAGAAN	KADAR SEWA (RM)	UKURAN
1.	Dataran Pengkalan Rama	5	**Pelbagai	600.00 (Diskaun 50% untuk tempoh 6 bulan pertama)	19.6' x 13.1'

** Jenis Perniagaan (Pelbagai) adalah seperti berikut :

- i. Restoran / Kedai Makan
- ii. Rangkaian Penjagaan Kesihatan / Kecantikan / Kosmetik
- iii. Barang-barang Kraftangan
- iv. Makanan Traditional dan lain-lain seumpamanya
- v. Pakaian / Kasut dan Aksesori
- vi. Kedai Serbaneka / Mini Mart
- vii. Lain-lain yang bersesuaian

4. **Syarat-Syarat Permohonan dan Temuduga Ruang Niaga**

- a.) Taraf kerakyatan pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada penduduk atau pemaustautin tetap di Negeri Melaka yang **berumur 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja**.



- b.) Borang permohonan hendaklah dilengkapi, **WAJIB** untuk bawa bersama dokumen berikut;
- i. Salinan kad pengenalan pemohon.
 - ii. Salinan kad pengenalan seorang saksi (*ibubapa / adik-beradik / anak-anak kandung (18 tahun keatas) sahaja*).
 - iii. **Membawa sijil asal dan Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) TERKINI** dan Salinan **PERAKUAN KEBANKRAPAN** (*boleh semak di Lembaga Hasil Dalam Negeri @ LHDN*).
 - iv. Sesalinan Penyata Kewangan pemohon.
 - v. Dokumen-dokumen yang berkaitan bagi menyokong permohonan tersebut perlu dilampirkan.
 - vi. Dokumen-dokumen modal perniagaan seperti penyata akaun bank serta bukti aset-aset perniagaan yang ada perlu dilampirkan.
 - vii. Pengalaman dalam perniagaan dan jenis perniagaan yang hendak dijalankan dan rancangan perniagaan atau konsep perniagaan (*Perlu dibentangkan semasa temuduga*).
 - viii. Cadangan rekabentuk hiasan dalaman ruang niaga yang dipohon serta cadangan pilihan perabot / peralatan dapur jika berkaitan (*perlu dijelaskan beserta salinan visual*).
- c.) Permohonan hendaklah berdasarkan kekosongan yang ditetapkan di dalam iklan kekosongan ruang niaga PPSPM sahaja.
- d.) Pemohon hendaklah melihat keadaan lokasi kiosk / gerai / ruang niaga terlebih dahulu sebelum menghadiri temuduga.
- e.) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan permohonan ini adalah dibawah tanggungjawab sendiri dan tidak boleh dituntut daripada pihak PPSPM.
- f.) Sila hadir temuduga dengan berpakaian kemas, sopan dan tertib.
- g.) Pemohon yang telah menyewa mana-mana premis perniagaan PPSPM adalah **TIDAK LAYAK** untuk memohon.



فريڊانن قمبراڠون سونغاي دان هنتاي ملاك
Perbadanan Pembangunan
Sungai dan Pantai Melaka
Melaka River and Coastal Development Corporation

5. Sekiranya tuan / puan **TIDAK MENDAPAT MAKLUMBALAS DARIPADA PIHAK KAMI DALAM MASA 2 BULAN**, maka permohonan tuan / puan dianggap **TIDAK BERJAYA**.
6. Segala pertanyaan boleh dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Korporat, PPSPM di talian 06-281 4322 / 23.

Pemohon yang berminat, diminta hadir untuk mengisi borang sebelum Tarikh Tutup permohonan pada:

Tarikh Buka Iklan	: 22 Disember 2025, Isnin
Tarikh Tutup Iklan	: 31 Disember 2025, Rabu (Sebelum Jam 04:30 Petang) <i>(sekiranya lewat, permohonan tidak akan diproses)</i>
Masa Pembelian Borang & Penghantaran Dokumen	: 08:30 Pagi sehingga 04:30 Petang Waktu Pejabat (Tidak Termasuk Cuti Umum dan Cuti Hujung Minggu)
Tempat	: Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Korporat Perbadanan Pembangunan Sungai & Pantai Melaka Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka

Sekian, Terima Kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAHARUL AZUAR BIN IDRIS)

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

s.k : Fail Penyelaras